



### BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA PENYEWAAN ASET MAJLIS

#### 1. HARTA-HARTA YANG BOLEH DISEWA :-

- ✓ DEWAN RAYA
- ✓ BALAI RAYA
- ✓ GELANGGANG
- ✓ STADIUM
- ✓ PADANG
- ✓ HUTAN BANDAR

#### 2. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN PENYEWAAN ASET-ASET MAJLIS :-

- ✓ SURAT
- ✓ TELEFON
- ✓ E-MAIL
- ✓ HADIR KE PEJABAT
- ✓ ATAS TALIAN (ONLINE)

#### 3. TUJUAN PENYEWAAN YANG DIBENARKAN :-

- ✓ PERKAHWINAN
- ✓ MAJLIS JAMUAN MAKAN
- ✓ BERSUKAN
- ✓ HARI KELUARGA
- ✓ KEJOHANAN
- ✓ KONSERT
- ✓ FORUM
- ✓ PAMERAN
- ✓ LATIHAN BENGKEL
- ✓ DAN LAIN-LAIN (MENGIKUT TERMA & SYARAT)

#### 4. SENARAI DEWAN RAYA/ SERBAGUNA YANG TERBUKA UNTUK PENYEWAAN :-

- ✓ DEWAN RAYA PUTRA
- ✓ DEWAN RAYA KULAI
- ✓ DEWAN SERBAGUNA TAMAN PUTRI
- ✓ DEWAN SERBAGUNA TAMAN SENAI UTAMA
- ✓ DEWAN SERBAGUNA TAMAN SENAI BARU
- ✓ DEWAN SERBAGUNA SENGKANG
- ✓ DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG PERTANIAN
- ✓ DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG JAYA SEPAKAT
- ✓ DEWAN SERBAGUNA TAMAN MANIS
- ✓ DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG RAHMAT
- ✓ DEWAN SERBAGUNA KG. BARU SEDENAK
- ✓ DEWAN SERBAGUNA TAMAN AMAN
- ✓ DEWAN SERBAGUNA SALENG
- ✓ DEWAN SERBAGUNA TAMAN MEWAH

#### 5. SENARAI BALAIRAYA YANG TERBUKA UNTUK PENYEWAAN :-

- ✓ SILA RUJUK KE BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA KERANA TERDAPAT ASET YANG TELAH YANG TELAH DIBUAT SERAHAN

#### 6. SENARAI GELANGGANG YANG TERBUKA UNTUK PENYEWAAN :-

- ✓ SILA RUJUK KE BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA KERANA TERDAPAT ASET YANG TELAH YANG TELAH DIBUAT SERAHAN


#### 7. SENARAI STADIUM YANG TERBUKA UNTUK PENYEWAAN:-

- ✓ STADIUM MINI KULAI, TAMAN PUTRI

#### 8. SENARAI PADANG YANG TERBUKA UNTUK PENYEWAAN:-

- ✓ SILA RUJUK KE BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA KERANA TERDAPAT ASET YANG TELAH YANG TELAH DIBUAT SERAHAN

### TATACARA / PROSEDUR PENYEWAAN ASET MAJLIS PERBANDARAN KULAI



Majlis Perbandaran Kulai, Jalan Pejabat Kerajaan,  
81000, Kulai, Johor.  
07-6613000 (Tel) , 07-6632407 (Fax)  
<http://www.mpkulai.gov.my>  
<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat>

## SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DEWAN /

### GELANGGANG/ PADANG / STADIUM / HUTAN BANDAR

1. Penyewa hendaklah menjelaskan bayaran sebelum tarikh penyewaan. Sekiranya gagal membuat bayaran sepertimana yang ditetapkan, penyewaan akan dibatalkan serta merta. Sebarang pembayaran melalui wang pos, cek atau bank draf hendaklah dibuat atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KULAI**.
2. Tuan adalah dikehendaki menjaga kebersihan **semasa** dan **selepas** aset majlis digunakan. Bagi kes-kes yang melibatkan majlis dan tempahan yang telah dibuat lebih awal daripada kelulusan surat ini maka, Majlis akan memaklumkan kepada pihak tuan agar kerjasama untuk perjalanan majlis tersebut.
3. Penyewa tidak dibenarkan mempamerkan atau menaikkan atau menggantung apa-apa gambar foto, pemedang atau iklan di dalam atau sekitar dewan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Yang Dipertua. Tuan juga tidak dibenarkan menurunkan apa-apa gambar foto yang terdapat di dalam dewan.
4. Apa-apa makanan dan minuman yang dilarang oleh Agama Islam tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan. Sebarang minuman/makanan yang memabukkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
5. Segala persiapan dan penyusunan semula alat kelengkapan adalah tanggungjawab pengguna atau penyewa. Kerja-kerja penyambungan semula bekalan elektrik tambahan tanpa kebenaran adalah dilarang. Sekiranya gangguan elektrik atau apa-apa yang berpunca daripada pihak penyewa, maka segala kos berkaitan adalah di bawah tanggungjawab penyewa.
6. Penyewa adalah bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan terhadap apa-apa barangan, alat perkakas atau kelengkapan dewan dalam tempoh sewaan.
7. Penyewa tidak dibenarkan membuat apa-apa tuntutan terhadap Majlis atau mana-mana pegawainya bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan penyewa.
8. Penyewa hendaklah bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap keselamatan dan keselesaan orang awam dan hendaklah mengambil apa-apa perlindungan insurans sebagaimana yang difikirkan perlu untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

9. Majlis tidak bertanggungjawab atau tertanggung jawab dalam apa-apa cara sekalipun bagi apa-apa jua kemalangan, kecederaan atau kehilangan atas kelulusan ini di mana ianya adalah menjadi tanggungjawab penyewa/pengguna sendiri.

**10. Penyewa hendaklah bertanggungjawab menjaga dewan supaya bersih dan semua sampah hendaklah dibuang ke dalam tong sampah atau beg plastik hitam sebelum memasukkan ke dalam tong sampah.**

**11. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti memasak di dalam kawasan dewan dan kawasan sekitarnya. Tiap-tiap perkakas seperti pinggan mangkuk, gelas yang digunakan di dalam dewan tidak dibenarkan dibasuh atau dicuci di dalam dewan kecuali dengan kebenaran secara bertulis daripada Yang Dipertua. Penyewa tidak dibenarkan mengalihkan apa-apa jua perkakas di dalam dewan tanpa kebenaran Yang Di Pertua.**

12. Tidak dibenarkan merokok di dalam dewan. Jika didapati penyewa merokok di dalam / kawasan dewan, penyewa akan dikenakan denda sebanyak RM200.00

13. Tidak dibenarkan mencuci peralatan jamuan seperti pinggan, mangkuk, gelas di dalam dan kawasan sekitar dewan.

14. Sekiranya penyewa tidak berupaya menggunakan dewan pada tarikh yang diluluskan atas apa-apa alasan, satu notis secara bertulis hendaklah dihantar kepada Yang Dipertua dalam tempoh 1 bulan.

15. Caj bayaran akan dikenakan sebanyak 50% daripada bayaran deposit akan dikenakan jika pembatalan sewaan dibuat kurang 2 bulan dari tarikh penggunaan.

**16. Yang Dipertua boleh membatalkan mana-mana jua permohonan yang diluluskan** tanpa memberi apa-apa jua sebab berbuat demikian serta tanpa satu notis bertulis kepada penyewa/pengguna. Majlis Perbandaran Kulai tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos, kesan kerugian atau apa-apa jua kos berkaitan yang timbul berikutan daripada pembatalan sewaan.

17. Penyewa tidak boleh meminta sebarang ganti rugi akibat daripada pembatalan. Pihak majlis berhak membuat pemotongan bayaran wang amanah **(RUJUK PARA 16)**.

18. Sesiapapun yang melakukan pelanggaran terhadap undang-undang kecil ini apabila sabit

kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00) atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 (satu) tahun atau kedua-duanya sekali.

19. Pihak Majlis juga berhak memotong bayaran wang amanah jika didapati pihak tuan melanggar peraturan penyewaan/syarat-syarat sewaan dewan Majlis Perbandaran Kulai.

**20. Penyewa dikehendaki membersihkan persekitaran luar dan dalam dewan selepas digunakan pada hari penyewaan. Jika gagal berbuat demikian, bayaran deposit tidak akan dipulangkan.**

21. Tuan dikehendaki membawa bersama surat kelulusan penyewaan dewan ini semasa persiapan hendak dijalankan.

22. Surat kelulusan dan resit bayaran hendaklah dibawa bersama-sama ke lokasi bagi tujuan kebenaran memasuki aset semasa persiapan hendak dijalankan. Segala kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai.

23. MPKu berhak memotong seberapa banyak bayaran wang deposit jika berlaku kes kehilangan / kerosakan terhadap apa-apa struktur bangunan, alat peralatan kelengkapan dewan dalam tempoh sewaan

24. MPKu berhak memotong seberapa banyak bayaran wang deposit jika didapati penyewa tidak membersihkan bahagian luar dan dalam serta kawasan sekitarnya selepas penyewaan

25. MPKu berhak memotong bayaran wang deposit jika didapati penyewa gagal membuat tuntutan semula bayaran deposit dalam tempoh 4 bulan dari tarikh sewaan.

Dengan Perintah,  
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulai.

KADAR HARGA SEWAAN DEWAN						
UNTUK MAJLIS PERKAHWINAN DAN YANG SETARAF DENGANNYA						
DEWAN	KADAR SEWA SEHARI	WANG AMANAH	ELEKTRIK	AIR	AIRCOND	JUMLAH KESELURUHAN
DEWAN RAYA PUTRA	1290.00	400.00	50.00	30.00	200.00	1970.00
DEWAN RAYA KULAI	1290.00	400.00	50.00	30.00	200.00	1970.00
DEWAN TAMAN PUTRI	1290.00	400.00	50.00	30.00	200.00	1970.00
DEWAN SERBAGUNA TAMAN SENAI UTAMA	840.00	200.00	50.00	30.00	-	1120.00
DEWAN SERBAGUNA TAMAN SENAI BARU	840.00	200.00	50.00	30.00	-	1120.00
DEWAN KAMPUNG PERTANIAN	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN KAMPUNG JAWA SEPAKAT	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA SENGKANG	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA TAMAN MANIS	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA SENGKANG	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG BARU SEDENAK	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA TAMAN SALENG	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA TAMAN AMAN	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00
DEWAN SERBAGUNA TAMAN MEWAH	740.00	200.00	50.00	30.00	-	1020.00